

# **SYARAHAN PENYELIDIKAN DAN PENGKOMERSIALAN**

Pada 25 Februari 2010 yang lalu , Unit Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah menganjurkan syarahan penyelidikan bertajuk Issues and Challenges In Research, Development and Commercialization bertempat di Dewan Keikhlasan, Bangunan KWSP, Kangar. Syarahan telah disampaikan oleh Prof. Dr. Khazani Abdullah yang merupakan seorang yang berpengalaman luas di dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialan di peringkat universiti dan industri di dalam dan luar Negara. Pada syarahan tersebut, peserta yang hadir telah didedahkan dengan selok belok penyelidikan dan pengkormersialan melalui perbincangan dan soal jawab.

Penceramah turut memberikan pendedahan tentang cara bagaimana seseorang penyelidik yang ingin berjaya di dalam penyelidikan serta langkah-langkah utama yang perlu dilakukan bagi meningkatkan mutu hasil penyelidikan untuk ke peringkat pengkormersialan.

Seminar tersebut diharapkan akan memberi idea serta pandangan yang baru khususnya di kalangan staf akademik yang hadir, bagi meningkatkan mutu serta potensi hasil penyelidikan yang akhirnya dapat dikomersialkan serta bakal membawa pulangan besar bukan sahaja kepada penyelidik malah kepada universiti